

Kes 1MDB

Najib tidak mahu teruskan penerbitan bon IMTN TIA

Bekas Pengarah Bukan Eksekutif 1MDB akui mungkin salah anggap

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Pengarah Bukan Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Tan Sri Ismee Ismail, memberitahu Mahkamah Tinggi semalam bahawa beliau mungkin salah ketika beranggapan Datuk Seri Najib Razak hendak meneruskan penerbitan bon Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) oleh Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA).

Saksi pendakwaan ke-13 itu ketika disoal balas oleh peguam Najib, Datuk Hariharan Tara Singh, berkata demikian ketika dirujuk surat daripada Setiausaha Sulit Istana Terengganu kepada TIA yang menunjukkan bahawa Najib sendiri bersetuju untuk menggantung penerbitan bon berkenaan.

Ismee dalam keterangannya di mahkamah sebelum ini berkata, beliau beranggapan menerusi reaksi dan intonasi suara Najib dalam pertemuan di rumah bekas

Perdana Menteri itu di Langgak Duta, bahawa Najib ingin meneruskan penerbitan bon berkenaan.

TIA adalah syarikat pelaburan strategik yang kemudian ditukar nama kepada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) pada 25 September 2009.

Menjawab soalan Hariharan bahawa berdasarkan surat itu, adakah beliau bersetuju bahawa Najib tidak mahu meneruskan penerbitan bon IMTN, Ismee menjawab, "Ya".

Sementara itu, Ismee bersetuju dengan cadangan Hariharan bahawa pertemuan dengan Najib di Langgak Duta yang turut disertai bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, diadakan hanya kerana ia berkaitan dengan jaminan kerajaan.

Ismee turut bersetuju dengan cadangan peguam bela bahawa pada ketika itu, Najib bukan wakil pemegang saham TIA dan tidak berada dalam kedudukan untuk membuat keputusan.

Hariharan kemudian mencadangkan bahawa Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin, mahu menggantung penerbitan bon IMTN kerana terdapat beberapa syarat tidak dipatuhi.

Bagaimanapun, Ismee berkata, beliau tidak mengingati secara spesifik, tetapi Sultan Mizan ha-

nya melahirkan kebimbangan secara umum.

Ismee berkata demikian ketika memberi keterangan terhadap Najib, yang berdepan empat pertuduhan menyalahgunakan kedudukannya untuk memperoleh rasuah berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 tuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Sementara itu Ismee berkata, beliau dan Shahrol Azral menandatangani resolusi pengarah bagi menggantung penerbitan bon itu di hadapan Sultan Mizan dan kekanda Sultan, Tengku Datuk Rahimah Puteri Ibni Almarhum Sultan Mahmud, dalam pertemuan di Istana Terengganu pada 22 Mei 2009.

Ismee berkata, Shahrol Azral memberitahunya selepas pertemuan itu bahawa mereka tidak boleh menggantung penerbitan bon berkenaan kerana arahan sudah diberikan kepada AmBank, walaupun menandatangani resolusi terbabit.

Katanya, selepas pertemuan itu dan menandatangani resolusi berkenaan, Najib mengarahkan mereka berdua untuk ke rumah beliau bagi memaklumkan mengenai pertemuan di Istana Terengganu.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung Isnin ini.